

# Keluarga Malaysia saling melengkapi, satukan semua

BH - 5/10/2021 | 13

**Sewaktu** saya dipilih sebagai Ahli Parlimen Tanjung Piai dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) pada 2019, saya ingin melihat Tanjung Piai memiliki keluarga besar yang menyatukan semua.

Keluarga besar Tanjung Piai yang saya cita-citakan ialah keluarga bersatu hati, bekerjasama, saling membantu, sentiasa menyayangi, memperbaiki kelemahan dan memanfaatkan kekuatan dimiliki, sekali gus bersama-sama berusaha membangunkan Tanjung Piai agar lebih cemerlang.

Apabila konsep Keluarga Malaysia diperkenalkan Perdana Menteri, entah mengapa tiba-tiba hati saya tersentuh kerana selama ini saya menganggap semua penduduk Tanjung Piai adalah ahli keluarga.

Bagi saya, pengumuman Perdana Menteri amat besar ertinya dan tepat pada masanya. Rakyat Malaysia daripada pelbagai rumpun bangsa dan kecenderungan politik kadangkala turut menyumbang kepada suhu sangat panas dan berpanjangan.

Pengumuman Keluarga Malaysia lebih inklusif tetapi amat difahami kerana konsep itu begitu dekat dengan rakyat. Cara konsep ini dibawa menunjukkan nilai prihatin dan kasih demi melindungi rakyat serta menjaga negara.

Membentuk Keluarga Malaysia bermula daripada keutuhan merentasi sempadan agama, bangsa dan kaum demi kebersamaan dengan nilai didikan sempurna dalam negara.

Memang betul takrif keluarga dalam kehidupan setiap orang berbeza-beza. Definisi biasa difahami umum membabitkan aspek demografi, ekonomi, sosial dan budaya. Elemen ini tidak dapat dipisahkan daripada takrifan masyarakat yang hubungan ini dilihat lebih monumental.

Usah dinafikan setiap keluarga kecil atau besar inginkan kekuatan dan kebersamaan dalam apa sahaja tindakan. Sudah tentu, pembentukan keluarga besar menjadi sumber tenaga dan kekuatan lebih hebat jika digembleng.

Keluarga besar membawa satu falsafah kebersamaan. Kebersamaan dalam banyak perkara kerana ia berkonsepkan taat kepada ketua. Hidup di negara

berdepan masalah besar memang memerlukan penyatuan tenaga, buah fikiran dan tindakan. Penyatuan memerlukan komitmen jelas untuk bersama memerangi isu kesihatan dan kemelut ekonomi.

Sebagai keluarga berlindung dalam negara tanpa mengira agama, bangsa dan kaum, bermakna anda ialah keluarga saya sendiri dan saya sebahagian keluarga anda. Kita satu keluarga perlu perlindungan, penjagaan keselamatan, kebajikan serta pekerjaan.

Kita diibaratkan saling melengkapi, umpama anggota badan saling memerlukan walaupun berlainan fungsi dan peranan. Pada masa sama, kita berdepan kepayahan, kesengsaraan dan keperitan hidup.

Tidak ada sesiapa pun mendabik dada boleh bertindak sendiri tanpa bantuan sesiapa ketika berdepan musuh. Apa lagi musuh tidak nampak dan hampir dua tahun menyerang kita.

Dalam suasana berdepan musuh keras serangannya, sebahagian hilang mata pencarian, terputus bekalan makanan dan bukan sedikit dibuang kerja.

Saat menghadapi tekanan ekonomi begitu mencair, ditambah kegawatan politik tidak putus-putus, kita perlu berada dalam satu pasukan negara

dan menunggu arahan dalam segenap aspek.

Jelas, situasi inilah banyak menjejaskan semua aspek kehidupan. Ikatan dan nilai kekeluargaan dilihat elemen ampuh kepada penyatuan dan kebersamaan.

Faktor kepemimpinan berperanan menentukan keberhasilannya. Tanpa keikhlasan, keadilan dan keterbukaan dalam kepemimpinan, segala dirancang ke arah membentuk keluarga pasti tidak akan sampai ke destinasi.

Jangan lupa dalam sebuah keluarga besar, ia bukan sahaja menuntut kasih sayang dan saling memahami, bahkan kepercayaan serta keyakinan terhadap seluruh anggotanya. Asas inilah menentukan kejayaan, seterusnya mengembangkan lagi keluarga.

Dalam situasi negara masih bergelut impak penularan pandemik, pendekatan Keluarga Malaysia dan ajakan ke arah perdamaian konteks kesejahteraan negara dan rakyat menjadi nilai murni dalam institusi kekeluargaan, selain kasih sayang, toleransi dan pengorbanan.

Apabila kita memiliki keluarga besar, kebajikan ahli antara perkara perlu diambil perhatian serius. Kita tidak boleh membiarkan ahli keluarga hidup dalam kesusahannya, merana dan merempat.

Bantulah ahli keluarga terlebih dahulu kerana mereka termasuk dalam tanggungjawab kita. Ketua keluarga perlu membantu golongan memerlukan, dimulai mereka menjadi tanggungan sendiri.

Sifat hormat-menghormati, tolong-menolong, semangat kebersamaan dan kasih sayang sesama keluarga akan mengukuhkan kesatuan.

Hubungan erat ahli keluarga akan menjadikan hidup lebih menggembirakan. Natijahnya, negara dihuni masyarakat harmoni bertitik-tolak daripada keluarga saling bantu-membantu.

Dalam keluarga besar, pelaksanaan tugas dan tanggungjawab mesti diteruskan, sekalipun kita sedang berada dalam sistem nilai dan adat berkekeluargaan. Sudah sampai masanya rakyat memberi kerjasama dan menyokong sepenuhnya usaha membina negara aman dan sejahtera.

Negara adalah rumah dan rakyat adalah ahli keluarganya.

